

**BERNAMA**

KPDNHEP Sabah rampas 119 tong gas LPG

28/05/2020 10:39 PM

KOTA KINABALU, 28 Mei -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah merampas 119 tong gas petroleum cecair (LPG) bernilai lebih RM39,050 milik seorang peniaga di pekan Tuaran, dekat sini, semalam.

Pengaruhnya Georgie Abas berkata rampasan berkenaan dilakukan selepas pemeriksaan bekalan yang dijalankan pejabat KPDNHEP cawangan Tuaran.

Beliau berkata peniaga yang memiliki tong gas berkenaan didapati melakukan dua kesalahan iaitu beroperasi sebagai pemborong tong gas LPG dengan lesen yang telah tamat tempoh dan memiliki tong gas melebihi jumlah yang dibenarkan dalam Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual.

Dalam pemeriksaan itu juga seorang peniaga turut dikenakan kompaun sebanyak RM2,500 kerana gagal meletakkan tanda harga pada tong gas LPG yang dijual," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Georgie berkata kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Beliau berkata tong gas LPG merupakan salah satu daripada barang kawalan berjadual yang telah diwartakan mengikut undang-undang serta melibatkan nilai subsidi yang tinggi, justeru peniaga tidak boleh berurus niaga barang kawalan berjadual itu tanpa kebenaran pengawal bekalan.

Georgie berkata bagi kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, mana-mana orang yang disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat, denda tidak melebihi RM2 juta manakala bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 pula individu yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata semua peniaga diingatkan agar sentiasa mematuhi undang-undang kerana KPDNHEP Sabah tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang mengambil kesempatan ke atas para pengguna.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1845792>

